

## PERBEZAAN KUALITI MODAL INSAN GURU PENDIDIKAN ISLAM MENURUT IBNU KHALDUN BERDASARKAN JANTINA, TEMPAT PENGAJIAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK

**Mohamad Zarkhuan Zainol, Azmil Hashim & Mohamad Marzuqi Abdul Rahim**

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tanjong Malim, Perak, Malaysia

[zarkhuan@gmail.com](mailto:zarkhuan@gmail.com)

### ABSTRACT

Ibn Khaldun has produced the Malakah theory in his Muqaddimah which refers to the development of human capital quality through the five aspects of Malakah; Malakah Lisaniyyah, Malakah Ilmiyyah, Malakah Sina'iyyah, Malakah al-Ta'ah, and Malakah Imaniyyah. This study is carried out through five aspects of Malakah which focuses on gender differences, places of study and academic achievement. The quantitative approach through questionnaire surveys was used as a tool of study instruments. A total of 314 Islamic Education Teachers were selected as samples by cluster random sampling technique. Questionnaire data were analyzed using SPSS version 23.0. MANOVA test analysis is used to derive the difference between the three factors to the five Malakah. The findings showed that gender factors had significant differences in the five Malakahs, while the place of study only had significant impact on Malakah Ilmiyyah and Malakah Imaniyyah. However, academic achievement do not have a significant impact on the five Malakah.

Keyword: *Islamic Education Teacher, Ibn khaldun, Malakah, Human Capital Quality*

### ABSTRAK

Ibnu Khaldun telah menghasilkan teori Malakah dalam kitab Muqaddimahnya yang merujuk kepada pembangunan kualiti modal insan melalui lima aspek Malakah iaitu Malakah Lisaniyyah, Malakah Ilmiyyah, Malakah Sina'iyyah, Malakah al-Ta'ah dan Malakah Imaniyyah. Kajian ini dijalankan melalui lima aspek Malakah tersebut yang menumpukan perbezaan berdasarkan faktor jantina, tempat pengajian dan pencapaian akademik. Pendekatan kuantitatif melalui tinjauan soal selidik digunakan sebagai alat instrumen kajian. Seramai 314 orang guru Pendidikan Islam dipilih sebagai sampel kajian melalui kaedah penentuan sampel rawak berkelompok. Data soal selidik dianalisis menggunakan program SPSS versi 23.0. Analisis ujian MANOVA digunakan bagi mendapatkan perbezaan antara ketiga-tiga faktor terhadap kelima-lima Malakah. Dapatkan kajian menunjukkan faktor jantina mempunyai kesan perbezaan yang signifikan kepada kelima-lima Malakah, manakala faktor tempat pengajian hanya memberi kesan yang signifikan kepada Malakah Ilmiyyah dan Malakah Imaniyyah. Namun, pencapaian akademik tidak memberi kesan yang signifikan terhadap kelima-lima Malakah.

Kata kunci: *Guru Pendidikan Islam; Ibnu Khaldun; Malakah; Kualiti Modal Insan.*

### PENDAHULUAN

Antara agenda utama yang ingin diperkuuhkan ialah memantapkan pembangunan modal insan dalam pendidikan yang merujuk kepada guru dan pelajar. Walaupun perhatian perlu diberikan kepada kedua-duanya, namun keutamaan hendaklah dimulai dengan pembangunan sahsiah guru sebagai modal insan yang berkualiti. Menyedari kepentingan peranan yang perlu dipikul oleh guru, maka pembangunan modal insan guru hendaklah diberi perhatian untuk mewujudkan

insan yang benar-benar berkualiti dan cekal untuk meneruskan agenda pendidikan negara (Salbiah et. al, 2016). Pembangunan modal insan guru merupakan usaha berterusan untuk memupuk dan mengembangkan potensi dalam diri manusia supaya subur dan kental keimanannya terhadap rukun iman serta berupaya menyumbang ke arah kebaikan, kesejahteraan diri, orang lain dan alam.

Islam menuntut semua guru berada dalam kedudukan yang cemerlang sebagaimana cemerlang utusan Allah SWT yang diutus-Nya ke muka bumi dalam berdakwah, mendidik, dan membangunkan kemanusiaan. Kecemerlangan guru sangat berkait rapat dengan kualiti pendekatan pengajaran dan pembelajaran, kualiti penggunaan ICT, kualiti penguasaan ilmu khusus, kualiti personaliti, dan persekitaran guru (Kamarul, 2011).

Guru Pendidikan Islam (GPI) yang mempunyai kualiti yang tinggi bukan sahaja mampu mengajar murid dengan baik tetapi juga mempunyai keterampilan diri yang meyakinkan, berpegang dengan prinsip kerja yang cemerlang serta bijak menempatkan diri dalam kalangan komuniti sekolah. Menyediakan modal insan GPI yang berkualiti merupakan satu cabaran besar dalam proses pengisian berterusan sistem pendidikan negara. Hanya modal insan GPI yang berkualiti mampu melaksanakan kehendak dan hasrat sebenar sistem atau kurikulum Pendidikan Islam.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pembangunan kualiti modal insan GPI menjadi keutamaan dalam agenda pemantapan sistem Pendidikan Islam negara. Peranan dan fungsi GPI merupakan aspek terpenting untuk melahirkan dan membangunkan modal insan yang seimbang dan bertepatan dengan kehidupan beragama (Mustapha et al., 2010). Berdasarkan beberapa kajian lepas, kualiti modal insan GPI terbahagi kepada empat komponen utama iaitu kualiti komunikasi, kualiti ilmu kandungan, kualiti profesionalisme dan kualiti personaliti (Ab. Halim et. al., 2016; Noornajihan, 2014). Keempat-empat kualiti tersebut telah digariskan oleh kebanyakan ulama Islam terdahulu seperti Imam al-Ghazali dan Ibnu Khaldun. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang menunjukkan GPI di Malaysia masih mempunyai tahap kualiti yang rendah dalam kesemua komponen tersebut.

Nurul dan Mohd Isha (2014) mendapati kemahiran komunikasi dalam kalangan kebanyakan guru di sekolah masih rendah dan tidak selaras dengan tahap akademik mereka. GPI juga mempunyai kualiti yang tidak memuaskan dalam aspek ilmu pengetahuan. Masih terdapat dalam kalangan GPI yang belum begitu mahir menguasai ilmu kandungan khususnya yang berkaitan dengan ilmu naqlī dan ilmu aqlī (Habibah, 2017). Di samping itu, GPI juga didapati masih tidak mengamalkan kualiti profesional dengan baik terutamanya dari sudut kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Mohd Kamal (2012) menyatakan cara mengajar GPI sering dianggap menjadi punca kepada kegagalan membentuk jiwa yang kental dalam diri umat Islam. Ab. Halim et al. (2012) mendapati kualiti GPI yang kurang memuaskan berbanding dengan tuntutan agama Islam itu sendiri sangat berkait rapat dengan kelemahan penguasaan ilmu pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kelemahan kualiti sahsiah dalam kalangan GPI juga dibahaskan oleh kebanyakan pengkaji dalam bidang Pendidikan Islam. Mohd Kamal (2012) mengutarakan bahawa kelemahan penghayatan Islam dalam kalangan umat pada hari ini hasil daripada watak GPI yang tidak berkualiti. Hal ini disokong oleh Ab. Halim et al. (2012) yang mendapati rendahnya kualiti personaliti GPI telah mencalarkan imej agama Islam itu sendiri. Menurut al-Attas (2015), kepincangan sahsiah umat Islam disebabkan sikap tidak bertanggungjawab, ketidakpatuhan kepada Allah SWT dalam melakukan ibadah dan mengabaikan prinsip iman kepada Allah SWT yang telah menjadikan mereka insan yang tiada adab.

Terdapat beberapa kajian menunjukkan kesan demografi terhadap kualiti modal insan guru. Antaranya adalah faktor jantina, tempat pengajian dan pencapaian akademik. Kajian ini ingin meneroka ketiga-tiga faktor demografi tersebut terhadap kualiti modal insan GPI di Malaysia.

## KAJIAN LITERATUR

### Teori Malakah Ibnu Khaldun

Ibnu Khaldun dalam kitab Muqaddimah menegaskan pembangunan modal insan adalah hasil daripada mempunyai Malakah yang diperolehi secara berulang-ulang sehingga Malakah tersebut dikuasai oleh seseorang individu. Beliau menjelaskan (Ibnu Khaldun, 2004, p. 90),


وَالملْكَةُ صَفَةٌ رَاسِخَةٌ تَحْصُلُ عَنِ اسْتِعْمَالِ ذَلِكَ الْفَعْلِ وَتَكْرَهُ مَرَةً بَعْدَ أُخْرَى حَتَّى تَرْسَخَ صُورَتُهُ

*Maksud: Malakah boleh diberi takrifkan sebagai sifat yang berurat dan berakar selaku hasil pengerjaan berulang-ulang, hingga bentuk perbuatan itu dengan kukuh tertanam (dalam fikiran), dan tingkat keutamaan keahlilan itu akan bergantung kepada mutu contoh yang ditirunya.*

*(Ibnu Khaldun, 2002, p. 476)*

Berdasarkan definisi Ibnu Khaldun, maksud Malakah tersebut merujuk kepada satu sifat yang sebatи di dalam jiwa yang terhasil kerana sesuatu perbuatan dan pengulangan perbuatan tersebut yang dikuasai dengan cara yang mendalam sehingga ia kukuh tertanam dalam mindanya dan mudah dizahirkan apabila dikehendaki (Che Zarrina & Mohd. Kamil, 2000; Abd Munir, 2010; Pisol & Thuraya, 2015). Menurut Ibnu Khaldun, ciri-ciri yang membezakan masyarakat yang berbudaya dengan masyarakat nomad ialah ciri Malakah (Pisol & Thuraya, 2015). Pemupukan Malakah ini memerlukan kewujudan budaya bandar yang stabil dan selamat, dengan kesejahteraan ekonomi dan sosialnya berdasarkan keperluan masyarakat (El-Muhammady, 2008). Pencapaian dalam Malakah mempunyai hubungan yang kuat dengan masa dan tamadun dalam kehidupan bandar contohnya Tunisia dan Andalusia yang telah membawa kepada kesempurnaan Malakah akibat kekekalan pengulangannya selama berabad-abad (Suhaila, 2014).

Cara paling mudah untuk memperoleh Malakah adalah dengan melalui latihan (T. Saiful, 2015). Ibnu Khaldun berpendapat bahawa Malakah ini mampu diaplikasikan melalui latih tubi menggunakan fikiran, berdiskusi dan perbincangan yang akan membawa perubahan pertukaran pendapat, pandangan, maklumat dan idea (Abd Munir, 2010; Khadijah et.al., 2015). Melalui latihan yang berterusan dan berulang-ulang dapat meningkatkan kesempurnaan Malakah dalam diri individu (El-Muhammady, 2008). Proses ini berjalan dalam jangka masa yang panjang melibatkan beberapa generasi dan dibimbing oleh guru yang benar-benar berkeahlian (Pisol & Thuraya, 2015). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa istilah Malakah merujuk kepada kemahiran yang telah berubah menjadi kebiasaan seseorang kerana latihan yang tertentu dan berulang (Suhaila, 2014). Terdapat lima jenis Malakah yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun iaitu Malakah Imaniyah yang berkaitan keimanan, Malakah al-Ta'ah yang berkaitan dengan kepatuhan agama, Malakah Ilmiyyah yang berkaitan dengan ilmu dan pemikiran, Malakah Sina'iyyah yang berkaitan dengan kemahiran profesional dan Malakah Lisaniyah yang berkaitan dengan kemahiran komunikasi dan bahasa. Oleh itu, menurut El-Muhammady (2008), latihan secara konsisten dapat menghasilkan kelima-lima Malakah tersebut dan membentuk modal insan yang berkualiti (Rajah 1).



Rajah 1: Teori Malakah Ibnu Khaldun (2008)

**Kesan Jantina, Tempat Pengajian dan Pencapaian Akademik terhadap Modal Insan Guru**  
Menurut Lundquist, Anderton dan Yaukey (2015), demografi adalah satu sains populasi yang mengkaji pelbagai kriteria tentang saiz dan komposisinya, proses dinamik yang merubah komposisi tersebut, serta hubungan, perubahan dan aspek lebih luas dalam komposisi tersebut. Antara kriteria-kriteria demografi termasuklah jantina, umur, pendapatan, status perkahwinan, status akademik dan lain-lain. Berdasarkan tinjauan literatur, kesan kepelbagaian demografi terhadap pembangunan insan guru melalui kajian-kajian lepas menunjukkan tiga faktor demografi utama telah dibincangkan iaitu jantina, pencapaian akademik dan tempat pengajian.

Terdapat dua kajian kesan jantina berkaitan kualiti GPI iaitu kajian Noornajihan dan Ab Halim (2015) serta kajian Razila et.al. (2019). Dapatkan Noornajihan dan Ab. Halim (2015) terhadap kualiti GPI sekolah menengah kebangsaan yang meliputi konstruk penguasaan ilmu agama, pemikiran Rabbani, kemahiran komunikasi, sahsiah, kemahiran psikologi dan budaya keilmuan menunjukkan terdapat perbezaan berdasarkan jantina. Ini bermakna terdapatnya perbezaan tahap kualiti GPI berdasarkan faktor jantina yang menunjukkan GPI lelaki mengatasi GPI perempuan dari segi kualiti (min: lelaki = 4.41; perempuan = 4.29). Noornajihan dan Ab. Halim (2015) menjelaskan perbezaan ini disebabkan ciri-ciri umum maskulin dan feminin, iaitu individu lelaki adalah dicirikan sebagai menguasai, kuat fizikal dan agresif, berbanding dengan individu perempuan yang dicirikan sebagai beremosi, berhati lembut dan terperinci. Sifat mengawal yang ada pada GPI lelaki berguna dalam aspek pengurusan bilik darjah, mengendalikan sesbuah aktiviti di sekolah dan luar sekolah, memegang jawatan penting di sekolah dan dalam masyarakat. Namun, dapatan Razila et.al (2019) terhadap amalan kualiti GPI sekolah kebangsaan pula melalui aspek penguasaan ilmu, kaedah pengajaran, personaliti diri, motivasi dan persekitaran guru menggunakan kaedah tinjauan melalui instrumen soal selidik mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina GPI lelaki dan GPI perempuan daripada sudut kualiti guru.

Seterusnya, kesan tempat pengajian terhadap kualiti modal insan guru juga dibincangkan oleh beberapa pengkaji lepas. Terdapat beberapa perbezaan struktur kurikulum latihan GPI antara IPG dan universiti. Antaranya adalah jumlah jam kredit, komponen kursus, jumlah kursus yang

ditawarkan dan keutamaan kursus yang ditawarkan. Secara keseluruhannya, struktur kurikulum kursus IPG lebih menekankan kursus-kursus pendidikan dan pedagogi (IPGM, 2018), manakala struktur kurikulum kursus universiti menumpukan kepada kursus-kursus kandungan ilmu pengajian Islam (Universiti Malaya, 2017). Di samping itu, tumpuan kursus Bahasa Arab juga berbeza di mana IPG meletakkannya pada Komponen Kursus Elektif Terbuka, manakala universiti pula meletakkannya pada Kursus Teras Fakulti.

Tenaga pengajar di IPG dan universiti juga mempunyai perbezaan dalam Perkhidmatan Pendidikan. Perbezaan kelayakan pensyarah IPG dan universiti diukur berdasarkan gred perjawatan. Pensyarah universiti digredkan dengan DS45, DS51, DS52, DS53, DS54 dan Gred Khas, manakala pensyarah IPG digredkan dengan DG41, DG44, DG48, DG52, DG54 dan Gred Khas. Kenaikan pangkat antara pensyarah IPG dan universiti juga berbeza di mana gred pensyarah IPG dinaikkan berdasarkan tempoh perkhidmatan dan kekananan, manakala gred pensyarah universiti berdasarkan kelulusan akademik tertinggi (Kementerian Kewangan Malaysia, 2018). Justeru, perbezaan ini menunjukkan kekuatan pensyarah IPG adalah berdasarkan pengalaman, yang mana rata-rata pensyarah IPG asalnya adalah guru-guru di sekolah. Sementara itu, kekuatan pensyarah universiti pula berdasarkan kelulusan akademik tertinggi seperti pemegang Ijazah Doktor Falsafah mempunyai gred yang lebih tinggi daripada pemegang Ijazah Sarjana.


Selain itu, kemudahan prasarana dan utiliti yang terdapat di IPG dan universiti juga perlu dilihat secara komprehensif. Juliana et al. (2015) dan Syed Khalid (2018) mendapati bahawa persepsi guru pelatih di IPG terhadap kemudahan asas yang disediakan berada pada tahap sederhana. Kajian mereka mendapati beberapa aspek kemudahan utiliti dan prasarana di IPG perlu ditingkatkan seperti kemudahan bilik kuliah yang kondusif, peralatan bilik kuliah yang sesuai, makmal, peralatan makmal, perkhidmatan internet dan dewan kuliah. Ramlee et al. (2013) dan Hanifah et. al (2016) pula mendapati graduan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menunjukkan respon yang memuaskan dan sangat memuaskan terhadap kemudahan utiliti dan prasarana yang disediakan. Tiga komponen utama kemudahan utiliti dan prasarana yang dinilai adalah kemudahan perpustakaan, kemudahan fizikal serta akses teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Menurut Ab. Halim (2016), kesetaraan yang melibatkan kualiti dan pasaran kerja merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh IPT. Oleh itu, beliau menyarankan pendidikan tinggi yang mengeluarkan GPI mewujudkan satu kerangka utama yang diguna pakai bersama. Kerangka pendidikan yang piawai perlu diwujudkan untuk diterima pakai di mana-mana IPT dengan menggunakan standard yang sama. Kerangka pendidikan yang berasaskan prinsip Islamisasi ilmu akan membolehkan pertukaran ilmu, bahan dan kemahiran di antara IPT dilaksanakan sebaiknya. Pihak IPT juga perlu memastikan bahawa kerangka ini tidak membawa impak yang negatif serta memastikan kualiti kurikulum dan kandungan yang ditawarkan dapat diterima pakai bersama.

Selanjutnya, kesan pencapaian akademik menjadi faktor penting terhadap pembangunan insan guru. Kajian Marlina & Shaharom (2010) yang dijalankan untuk menentukan perkaitan di antara kemahiran berfikir kritis dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dalam kalangan pelajar yang mengikuti program pendidikan Fizik di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Seramai 109 orang pelajar tahun satu dan empat program Pendidikan Fizik terlibat dalam kajian ini iaitu 26 orang pelajar lelaki dan 83 pelajar perempuan. Pencapaian kajian menunjukkan bahawa terdapat pertalian yang bererti antara kemahiran berfikir kritis dengan PNGK pelajar pada aras .05. Manakala kajian Kamarul et.al.(2017) berkaitan hubungan pencapaian akademik guru

pelatih IPG dengan kemahiran generik (kemahiran komunikasi, kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran kepimpinan, moral dan etika serta kemahiran keusahawanan) menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara kemahiran generik dan pencapaian akademik guru pelatih. Oleh itu, guru pelatih yang mempunyai kemahiran generik yang tinggi akan membantu mereka memperoleh pencapaian yang tinggi juga dalam pembelajaran mereka di IPG dan begitulah juga sebaliknya. Pencapaian akademik (GPA skor) yang lebih baik bermakna guru pelatih juga akan mempunyai kemahiran generik yang tinggi.

## KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 2: *Kerangka Konseptual Kajian*

## HIPOTESIS KAJIAN

- Ho1= Tidak terdapat perbezaan Malakah Lisaniyyah, Malakah Ilmiyyah, Malakah Sina'iyyah, Malakah al-Ta'ah dan Malakah Imaniyyah GPI baharu berdasarkan jantina.
- Ho2= Tidak terdapat perbezaan Malakah Lisaniyyah, Malakah Ilmiyyah, Malakah Sina'iyyah, Malakah al-Ta'ah dan Malakah Imaniyyah GPI baharu berdasarkan tempat pengajian.
- Ho3= Tidak terdapat perbezaan Malakah Lisaniyyah, Malakah Ilmiyyah, Malakah Sina'iyyah, Malakah al-Ta'ah dan Malakah Imaniyyah GPI baharu berdasarkan pencapaian akademik.

## METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan secara deduktif (Neuman, 1993). Ia dimulakan dengan pembinaan hipotesis, kemudian memungut data dan diakhiri dengan menganalisis data secara kritikal. Manakala jenis tinjauan yang digunakan ialah tinjauan hirisan rentas (cross-sectional survey) iaitu memungut data sekali sahaja ke atas satu sampel pada satu masa (Creswell, 2008, Noraini, 2010). Data diperoleh menggunakan soal selidik untuk melihat persepsi GPI terhadap kualiti modal insan GPI melalui teori Malakah Ibnu Khaldun. Bagi kajian ini, populasi yang terlibat ialah GPI baharu yang mula berkhidmat pada tahun 2015, 2016 dan 2017. Teknik pensampelan yang digunakan untuk kajian ini ialah teknik pensampelan rawak berkelompok bagi memenuhi ciri-ciri sampel kajian yang dikehendaki dan memastikan sampel yang dikaji

bersifat mewakili. Teknik persampelan rawak berkelompok merupakan teknik yang paling efisien untuk memungut data yang bersaiz besar (Babbie, 2001; Burns, 2000). Menurut teknik pensampelan ini, populasi akan dibahagikan kepada sub sampel terlebih dahulu. Jumlah sampel yang dipilih adalah sebanyak 314 orang GPI. Soal selidik diadaptasi daripada kajian literatur terdahulu. Instrumen soal-selidik mestilah mempunyai kesahan dan mudah untuk responden faham (Field, 2009). Instrumen soal-selidik mengandungi skala likert 10 mata iaitu dari 1 sangat tidak setuju hingga 10 sangat setuju (Pallant, 2004; Sekaran, 2003; Zainuddin et al., 2013).

Pengkaji telah menyediakan borang kesahan untuk diserahkan kepada panel-panel pakar yang dipilih. Pakar penilai yang dipilih terdiri daripada para ilmuwan yang arif dalam bidang masing-masing. Seramai lapan orang pakar telah ditemui untuk mengesahkan setiap konstruk, sub konstruk dan item yang digunakan dalam kajian ini. Pakar-pakar tersebut terdiri daripada enam orang pakar bidang Pendidikan Islam (ahli akademik, pihak pentadbiran dan pengamal), seorang pakar Bahasa Melayu dan seorang pakar metodologi. Jadual 1 menunjukkan rumusan pakar terhadap penilaian kesahan muka dan kesahan kandungan terhadap item-item yang dibangunkan. Borang penilaian yang telah disemak oleh pakar, dikumpulkan dan dianalisis. Kumpulan pakar ini telah membuat penilaian dan semakan, memberi maklum balas, komen dan cadangan terhadap item-item yang dibangunkan dan secara langsung kesahan muka diperoleh. Pengkaji telah merujuk peratusan persetujuan pakar terhadap penerimaan item-item berdasarkan metodologi yang digunakan oleh Mohd Sahandri et al. (2013). Berdasarkan maklum balas, komen dan cadangan daripada kesemua pakar, item-item yang mendapat persetujuan pakar berdasarkan pemboleh ubah dikekalkan sekiranya minimum 80% pakar bersetuju item-item tersebut sesuai untuk digunakan. Item-item yang mendapat persetujuan pakar kurang daripada 60% perlu disingkirkan. Manakala item-item yang mendapat persetujuan pakar di antara 60% hingga 80% perlu dimurnikan dan diubahsuai berdasarkan saranan, cadangan, komen dan perbincangan dengan pakar-pakar berkenaan.

Jadual 1: Rumusan Penilaian Panel Pakar Penilai Terhadap Pemboleh ubah Kajian

Pemboleh ubah	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Pakar 4	Pakar 5	Pakar 6	Pakar 7	Pakar 8	Jumlah	Peratus
Demografi	9	9	9	9	9	9	9	9	72	100%
Lisaniyyah	30	30	28	30	28	28	30	30	234	97.5%
<i>Ilmiyyah</i>	36	36	36	36	36	36	36	36	288	100%
<i>Sina'iyyah</i>	36	36	34	36	34	34	36	36	282	97.9%
<i>Al-Ta'ah</i>	33	33	33	33	33	33	33	33	264	100%
<i>Imaniyyah</i>	36	36	35	36	36	36	36	36	287	99.7%

Kebolehpercayaan instrumen pula berdasarkan nilai Cronbach alpha. Nilai cronbach alpha bagi lima konstruk dalam kajian ini adalah di antara 0.941 hingga 0.985 (Jadual 2). Nilai ini menunjukkan nilai yang baik seperti yang disarankan oleh Sekaran (2003). Tahap kebolehpercayaan item yang terendah dicatatkan bagi pemboleh ubah malakah al-ṭā‘ah yang mempunyai nilai cronbach alpha 0.941. Manakala pemboleh ubah Malakah Lisaniyyah merekodkan tahap kebolehpercayaan yang tertinggi dengan nilai 0.985.

Jadual 2: Nilai Kebolehpercayaan Bagi Setiap Pemboleh ubah Soal Selidik Kajian

Pemboleh ubah	Jumlah Item	Nilai Cronbach Alpha
<i>Malakah Lisaniyyah</i>	10	0.985
<i>Malakah Ilmiyyah</i>	12	0.978
<i>Malakah Sina'iyyah</i>	12	0.984
<i>Malakah al-Ta'ah</i>	11	0.941
<i>Malakah Imaniyyah</i>	12	0.982

Penggunaan SPSS versi 23.0 adalah bertujuan untuk menerangkan analisis data inferensi yang melibatkan ujian MANOVA. Analisis MANOVA digunakan untuk melihat perbezaan antara kesemua pemboleh ubah bersandar berdasarkan faktor demografi iaitu jantina, tempat pengajian dan pencapaian akademik.

## DAPATAN KAJIAN

Perbezaan kualiti modal insan GPI berkait dengan faktor demografi jantina, tempat pengajian dan pencapaian akademik. Analisis dapanan ini menggunakan ujian MANOVA. Dapatan kajian menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dan tidak signifikan pada pemboleh ubah-pemboleh ubah kualiti modal insan GPI (*Malakah Lisaniyyah*, *Malakah Ilmiyyah*, *Malakah Sina'iyyah*, *Malakah al-Ta'ah* dan *Malakah Imaniyyah*) berdasarkan tiga faktor demografi tersebut.

### **Demografi Kajian**

Seramai 314 GPI baharu yang diperoleh daripada soal selidik kajian, merangkumi aspek latar belakang demografi seperti jantina, tempat pengajian dan pencapaian akademik. Jadual 3 menunjukkan pecahan responden GPI baharu berdasarkan jantina iaitu responden GPI lelaki 93 orang (29.6%) dan responden GPI perempuan pula adalah seramai 221 orang (70.4%). Manakala dari aspek tempat pengajian, seramai 273 orang GPI (86.9%) keluaran institut pendidikan guru (IPG) dan 41 orang GPI (13.1%) adalah keluaran universiti. Kategori pencapaian akademik pula, mencatatkan seramai 72 orang responden (22.9%) mendapat kelas kepujian pertama, 231 orang responden (73.6%) mendapat kelas kepujian kedua atas dan hanya 11 orang responden (3.5%) mendapat kelas kepujian kedua bawah.

Jadual 3: *Profil Responden Kajian*

Kategori	Kumpulan	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	93	29.6
	Perempuan	221	70.4
Tempat Pengajian	IPG	273	86.9
	Universiti	41	13.1
Pencapaian Akademik	Kelas Pertama	72	22.9
	Kelas Kedua Atas	231	73.6
	Kelas Kedua Bawah	11	3.5

### **Perbezaan Malakah Lisaniyyah, Malakah Ilmiyyah, Malakah Sina'iyyah, Malakah al-Ta'ah dan Malakah Imaniyyah GPI Baharu berdasarkan Jantina**

Secara keseluruhan, keputusan ujian Multivariate Pillai's Trace menunjukkan bahawa ada kesan jantina ke atas kelima-lima pemboleh ubah bersandar yang signifikan [ $F(1,312)=2.6$ ,  $p<.05$ ]. Berdasarkan keputusan analisis ini, pengkaji menolak hipotesis nul dan melaporkan bahawa secara keseluruhan jantina merupakan faktor bagi Malakah Lisaniyyah, Malakah Ilmiyyah, Malakah Sina'iyyah, Malakah al-Ta'ah dan Malakah Imaniyyah GPI baharu (Jadual 4).

Jadual 4: *Perbezaan keseluruhan Malakah berdasarkan jantina*

Effect		Value	F	Hypothesis df	Error df	Sig.
Jantina	Pillai's Trace	.041	2.604 <sup>b</sup>	5.000	308.000	.025
	Wilks' Lambda	.959	2.604 <sup>b</sup>	5.000	308.000	.025
	Hotelling's Trace	.042	2.604 <sup>b</sup>	5.000	308.000	.025
	Roy's Largest Root	.042	2.604 <sup>b</sup>	5.000	308.000	.025

Analisis ujian MANOVA dilaksanakan ke atas pemboleh ubah-pemboleh ubah bersandar secara keseluruhan menunjukkan bahawa ada perbezaan secara signifikan antara kedua-dua kategori jantina dari segi Malakah Lisaniyyah [ $F(1,312)=9.93, p<.05$ ], Malakah Ilmiyyah [ $F(1,312)=4.90, p<.05$ ], Malakah Sina'iyyah [ $F(1,312)=3.90, p<.05$ ], Malakah al-Ta'ah [ $F(1,312)=7.91, p<.05$ ] dan Malakah Imaniyyah [ $F(1,312)=5.03, p<.05$ ]. Keputusan ini menunjukkan bahawa jantina seseorang GPI baharu di bawah kajian mempengaruhi kelima-lima Malakah berdasarkan teori Ibnu Khaldun (Jadual 5).

Jadual 5: Perbezaan setiap Malakah berdasarkan jantina

Source		Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Jantina	<i>Lisaniyyah</i>	9.880	1	9.880	9.928	.002
	<i>Ilmiyyah</i>	4.769	1	4.769	4.900	.028
	<i>Sina'iyyah</i>	2.730	1	2.730	3.895	.049
	<i>al-Ta'ah</i>	7.312	1	7.312	7.906	.005
	<i>Imaniyyah</i>	1.840	1	1.840	5.030	.026

Dengan merujuk pada nilai min bagi setiap pemboleh ubah bersandar merentasi kumpulan lelaki dan kumpulan perempuan, didapati bahawa GPI baharu lelaki dalam populasi kajian lebih tinggi Malakah Lisaniyyah (skor min: lelaki=8.78; perempuan=8.39), Malakah Ilmiyyah (skor min: lelaki=9.22; perempuan=8.95), Malakah Sina'iyyah (skor min: lelaki=9.30; perempuan=9.10), Malakah al-Ta'ah (skor min: lelaki=9.01; perempuan=8.68) Dan Malakah Imaniyyah (skor min: lelaki=9.73; perempuan=9.56) berbanding dengan GPI baharu perempuan. Walau bagaimanapun, faktor jantina hanya menyumbang sebanyak 3.1 peratus kepada Malakah Lisaniyyah, 1.5 peratus kepada Malakah Ilmiyyah, 1.2 peratus kepada Malakah Sina'iyyah, 2.5 peratus kepada Malakah al-Ta'ah dan 1.6 peratus kepada Malakah Imaniyyah (Jadual 6).

Jadual 6: Nilai min perbezaan Malakah berdasarkan jantina

	Jantina	Mean	Std. Deviation	N
<i>Lisaniyyah</i>	Lelaki	8.7817	.96222	93
	Perempuan	8.3932	1.01197	221
	Total	8.5083	1.01169	314
<i>Ilmiyyah</i>	Lelaki	9.2186	.79561	93
	Perempuan	8.9487	1.05622	221
	Total	9.0287	.99268	314
<i>Sina'iyyah</i>	Lelaki	9.3038	.67181	93
	Perempuan	9.0995	.89733	221
	Total	9.1600	.84103	314
<i>Al-Ta'ah</i>	Lelaki	9.0117	.85713	93
	Perempuan	8.6775	1.00219	221
	Total	8.7765	.97225	314
<i>Imaniyyah</i>	Lelaki	9.7276	.47127	93
	Perempuan	9.5600	.65252	221
	Total	9.6096	.60863	314

- a. R Squared = .031 (Adjusted R Squared = .028)
- b. R Squared = .015 (Adjusted R Squared = .012)
- c. R Squared = .012 (Adjusted R Squared = .009)
- d. R Squared = .025 (Adjusted R Squared = .022)
- e. R Squared = .016 (Adjusted R Squared = .013)

**Perbezaan Malakah Lisaniyyah, Malakah Ilmiyyah, Malakah Sina'iyyah, Malakah al-Ta'ah dan Malakah Imaniyyah GPI Baharu berdasarkan Tempat Pengajian**

Secara keseluruhan, keputusan ujian Multivariate Pillai's Trace menunjukkan bahawa tidak terdapat kesan utama tempat pengajian terhadap kelima-lima pemboleh ubah bersandar kajian [ $F(1,312)=1.7$ ,  $p>.05$ ]. Berdasarkan keputusan analisis ini, pengkaji gagal menolak hipotesis nul (Jadual 7).

Jadual 7: *Perbezaan keseluruhan Malakah berdasarkan tempat pengajian*

Effect		Value	F	Hypothesis df	Error df	Sig.
Tempat Pengajian	Pillai's Trace	.027	1.693 <sup>b</sup>	5.000	308.000	.136
	Wilks' Lambda	.973	1.693 <sup>b</sup>	5.000	308.000	.136
	Hotelling's Trace	.027	1.693 <sup>b</sup>	5.000	308.000	.136
	Roy's Largest Root	.027	1.693 <sup>b</sup>	5.000	308.000	.136

Secara berasingan, tempat pengajian merupakan faktor kepada dua daripada lima Malakah iaitu Malakah Ilmiyyah [ $F(1,312)=4.80$ ,  $p<.05$ ] dan Malakah Imaniyyah [ $F(1,312)=5.45$ ,  $p<.05$ ] (Jadual 8).

Jadual 8: *Perbezaan setiap Malakah berdasarkan tempat pengajian*

Source	Dependent Variable	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Tempat Pengajian	<i>Lisaniyyah</i>	2.303	1	2.303	2.259	.134
	<i>Ilmiyyah</i>	4.674	1	4.674	4.801	.029
	<i>Sina'iyyah</i>	1.224	1	1.224	1.734	.189
	<i>al-Ta'ah</i>	.974	1	.974	1.030	.311
	<i>Imaniyyah</i>	1.990	1	1.990	5.449	.020

Hal ini menunjukkan bahawa GPI keluaran universiti lebih berkualiti bagi Malakah Ilmiyyah (skor min: IPG=8.98; Universiti=9.34) dan Malakah Imaniyyah (skor min: IPG=9.58; Universiti=9.82). Walau bagaimanapun, faktor tempat pengajian hanya menyumbang sebanyak 1.5 peratus kepada Malakah Ilmiyyah dan 1.7 peratus kepada Malakah Imaniyyah (Jadual 9).

Jadual 9: *Nilai min perbezaan Malakah berdasarkan tempat pengajian*

	Tempat Pengajian	Mean	Std. Deviation	N
<i>Ilmiyyah</i>	IPG	8.9814	1.02151	273
	Universiti	9.3435	.70593	41
	Total	9.0287	.99268	314
<i>Imaniyyah</i>	IPG	9.5788	.63320	273
	Universiti	9.8150	.34986	41
	Total	9.6096	.60863	314

b. R Squared = .015 (Adjusted R Squared = .012)

e. R Squared = .017 (Adjusted R Squared = .014)

### **Perbezaan Malakah Lisaniyyah, Malakah Ilmiyyah, Malakah Sina'iyyah, Malakah al-Ta'ah dan Malakah Imaniyyah GPI Baharu berdasarkan Pencapaian Akademik**

Secara keseluruhan, keputusan ujian Multivariate Pillai's Trace menunjukkan bahawa tidak terdapat kesan utama pencapaian akademik terhadap kelima-lima pemboleh ubah bersandar kajian [ $F(2,311)=1.10$ ,  $p>.05$ ]. Berdasarkan keputusan analisis ini, pengkaji gagal menolak hipotesis nul (Jadual 10).

Jadual 10: *Perbezaan keseluruhan Malakah berdasarkan pencapaian akademik*

Effect		Value	F	Hypothesis df	Error df	Sig.
Pencapaian Akademik	Pillai's Trace	.035	1.100	10.000	616.000	.359
	Wilks' Lambda	.965	1.098 <sup>b</sup>	10.000	614.000	.361
	Hotelling's Trace	.036	1.096	10.000	612.000	.363
	Roy's Largest Root	.025	1.513 <sup>c</sup>	5.000	308.000	.185

Secara berasingan, pencapaian akademik bukan merupakan faktor kepada kesemua Malakah tersebut (Jadual 11).

Jadual 11: *Perbezaan setiap Malakah berdasarkan pencapaian akademik*

Source	Dependent Variable	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Pencapaian Akademik	<i>Lisaniyyah</i>	2.825	2	1.412	1.383	.252
	<i>Ilmiyyah</i>	1.206	2	.603	.610	.544
	<i>Sina'iyyah</i>	3.797	2	1.898	2.713	.068
	<i>al-Ta'ah</i>	5.455	2	2.727	2.921	.055
	<i>Imaniyyah</i>	.879	2	.440	1.189	.306

Kesimpulannya, keputusan kajian ini mencadangkan bahawa kajian masa depan perlu dilaksanakan bagi menyelidik faktor-faktor lain terhadap kelima-lima Malakah kerana lebih daripada 88 peratus perubahan dalam pemboleh ubah-pemboleh ubah bersandar itu tidak dapat dikenal pasti melalui kajian ini.

## **PERBINCANGAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji perbezaan Malakah Lisaniyyah, Malakah Ilmiyyah, Malakah Sina'iyyah, Malakah al-Ta'ah dan Malakah Imaniyyah berdasarkan jantina, tempat pengajian dan pencapaian akademik dalam kalangan GPI baharu di Malaysia. Berpandukan hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati terdapat perbezaan yang ketara di antara GPI baharu lelaki dan GPI baharu perempuan terhadap kesemua Malakah. Seterusnya, dapatan perbezaan berdasarkan tempat pengajian secara terperinci di antara GPI keluaran IPG dan universiti, hanya memberi kesan yang signifikan kepada dua Malakah sahaja iaitu Malakah Ilmiyyah dan Malakah Imaniyyah. Walau bagaimanapun, faktor pencapaian akademik mengikut kelas kepujian tidak memberi kesan kepada kesemua Malakah tersebut.

Faktor jantina merupakan faktor penting terhadap kualiti GPI baharu berdasarkan lima Malakah yang dibangunkan oleh Ibnu Khaldūn. Dapatan ini menunjukkan GPI baharu lelaki mengatasi GPI baharu perempuan dalam kesemua Malakah berdasarkan perbezaan nilai min. Dapatan ini menyokong kajian Noornajihan dan Ab. Halim (2015) yang mendapati terdapat perbezaan tahap kualiti GPI berdasarkan faktor jantina yang menunjukkan GPI lelaki mengatasi GPI perempuan dari segi kualiti. Menurut mereka, perbezaan ini disebabkan ciri-ciri umum maskulin dan feminin, iaitu individu lelaki adalah dicirikan sebagai menguasai, kuat fizikal dan

agresif, berbanding dengan individu perempuan yang dicirikan sebagai beremosi, berhati lembut dan terperinci. Sifat mengawal yang ada pada GPI lelaki berguna dalam aspek pengurusan bilik darjah, mengendalikan sesebuah aktiviti di sekolah dan luar sekolah, memegang jawatan penting di sekolah dan dalam masyarakat (Noornajihan & Ab. Halim, 2015). Firman Allah SWT, Surah al-Nisa' (4:34),

الرَّجُلُ قَوْأُمُونَ عَلَى النِّسَاءِ

*Maksudnya: Kaum lelaki itu adalah pemimpin kepada kaum wanita.*

(Abdullah, 2001)

Ibnu Kathir (1999) dalam kitabnya, Tafsir al-Qur'an al-'Azim dan al-Tabari (2014) dalam Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an, kedua-duanya berpendapat bahawa perkataan 'qawwam' dalam ayat di atas menunjukkan kelebihan kaum lelaki dari perempuan dari sudut kepimpinan sebagaimana tanggungjawab kerasulan dan kenabian yang juga dikhususkan kepada mereka. Firman Allah SWT lagi dalam Surah al-Baqarah (2: 228),

وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ

*Maksudnya: Bagi kaum lelaki ke atas kaum wanita itu dengan satu darjah*

(Abdullah, 2001)

Al-Qurtubi (2006) dalam tafsirnya al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an telah mentafsirkan perkataan 'darajah' dalam ayat di atas sebagai kelebihan dan keistimewaan kaum lelaki dari sudut kekuatan fizikal, akal dan ketegasan yang menjadi tunggak kekuatan dalam urusan pemerintahan.

Berdasarkan perbahasan mengenai perbezaan jantina yang menunjukkan GPI lelaki mempunyai kualiti modal insan yang melebihi GPI perempuan, KPM seharusnya melihat secara serius kepentingan GPI lelaki dalam sektor pendidikan negara. Pengkaji mencadangkan sekurang-kurangnya seorang GPI lelaki perlu ditempatkan di setiap sekolah di seluruh Malaysia. Penempatan GPI lelaki memerlukan pengurusan yang cekap oleh KPM semasa proses pengambilan agar ianya seimbang dengan pengambilan GPI perempuan. Perkara ini sangat penting kerana beberapa urusan dan aktiviti agama yang memerlukan penglibatan GPI lelaki seperti menjadi imam, mengetuai urusan kemasyarakatan, mengetuai pengurusan jenazah dan lain-lain. Perkara ini telah disuarakan oleh Mufti Selangor, Sahibus Samahah Dato' Setia Hj. Mohd Tamyes bin Abd Wahid yang menyatakan perbezaan ahli agama lelaki dan perempuan banyak melibatkan urusan keagamaan seperti menjadi imam bagi solat, menjadi wakil dalam majlis pernikahan, mengetuai pengurusan jenazah dan lain-lain aktiviti keagamaan yang membatasi ahli agama perempuan untuk melaksanakannya (Irwan et al., 2017).

Seterusnya faktor tempat pengajian telah memberi kesan secara signifikan pada dua Malakah iaitu Malakah Ilmiyyah dan Malakah Imaniyah. Dapatan ini menunjukkan GPI baharu keluaran universiti mengatasi GPI baharu keluaran IPG pada kedua-dua Malakah tersebut. Dapatan ini menyokong dapatan Rajendran et al. (2008) yang mengkaji secara umum kelebihan di antara guru lulusan IPG dan universiti, dan mendapati guru lulusan universiti lebih menekankan pengetahuan kandungan. Pada hemat pengkaji, dapatan ini menyaksikan keperluan kolaborasi di antara pentadbiran IPG dan universiti meneliti kandungan kursus Pendidikan Islam secara bersama. Ab. Halim (2016) menegaskan kesetaraan IPT yang melibatkan kualiti, pengiktirafan sijil dan penerimaan pasaran kerja perlu mempunyai kerangka yang boleh diterima pakai bersama. Hal ini dilihat IPG dan universiti sebagai pusat pembinaan modal insan GPI dalam membangunkan tamadun ummah khususnya dalam arena Pendidikan Islam di Malaysia. Kepentingan peranan tempat pengajian dalam memangkin kualiti modal insan GPI seperti mana penyaksian pusat pengajian tinggi klasik seperti pengajian di pondok-pondok dan Universiti al-Azhar, Mesir telah mampu membekalkan sejumlah sarjana dan tenaga kerja yang berkualiti untuk membangunkan ummah di Malaysia (Ruzman et al., 2014).

Dapatan menunjukkan min GPI lepasan universiti lebih tinggi berbanding GPI lepasan IPG pada dua Malakah tersebut kerana sistem pengajian latihan GPI di universiti lebih mengutamakan ilmu kandungan berbanding ilmu pedagogi. Selain itu, perbezaan kursus dalam latihan GPI antara universiti dan IPG juga menjadi faktor yang membezakan kedua-dua institusi tersebut. Kebanyakan kursus di universiti lebih luas bidang Pengajian Islam berbanding dengan IPG yang lebih menumpukan bidang pendidikan dan pedagogi. Malahan, tenaga pengajar di universiti diakui lebih berkelayakan dalam akademik dan mempunyai ramai pakar terutamanya pakar-pakar dalam bidang ilmu Turath Islam. Di samping itu, universiti juga menawarkan bahan sumber rujukan berkaitan pengajian ilmu Islam yang lebih banyak dan komprehensif.

Selanjutnya, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik terhadap kelima-lima Malakah. Dapatan ini membuktikan tiada kesan pencapaian akademik di antara lulusan GPI kelas kepujian pertama, kelas kepujian kedua atas dan kelas kepujian kedua bawah terhadap kelima-lima Malakah. Dapatan ini merumuskan kualiti modal insan GPI melalui kelima-lima Malakah yang dipelopori oleh Ibnu Khaldūn ini boleh diadaptasi oleh setiap GPI tanpa melibatkan pencapaian akademik mereka. Perbincangan lanjut berkaitan pencapaian akademik terhadap Malakah ini perlu dikaji kerana dapatan kajian lepas menunjukkan pencapaian akademik memberi kesan kepada profesionalisme guru (Kamarul et al., 2017; Marlina & Shaharom, 2010). Oleh itu, kajian lanjutan untuk menyelidiki secara mendalam berkaitan perkara ini perlu diteruskan pada masa akan datang.

## PENUTUP

Hasil dapatan menunjukkan faktor jantina memberi kesan secara signifikan ke atas kelima-lima Malakah, manakala faktor tempat pengajian hanya memberi kesan secara signifikan kepada Malakah Ilmiyyah dan Malakah Imaniyah. Walau bagaimanapun, faktor pencapaian akademik tidak memberi kesan secara signifikan kepada kesemua Malakah. Berdasarkan faktor jantina, GPI baharu lelaki mengatasi GPI baharu perempuan dalam kelima-lima Malakah. Sifat mengawal yang ada pada GPI lelaki berguna dalam aspek pengurusan bilik darjah, mengendalikan sesebuah aktiviti di sekolah dan luar sekolah, memegang jawatan penting di sekolah dan dalam masyarakat. Di samping itu, beberapa urusan dan aktiviti agama yang memerlukan penglibatan GPI lelaki seperti menjadi imam, mengetuai urusan kemasyarakatan dan lain-lain. Faktor tempat pengajian pula menunjukkan GPI baharu keluaran universiti mengatasi GPI baharu keluaran IPG dalam Malakah Ilmiyyah dan Malakah Imaniyah. Dapatan ini menyaksikan keperluan kolaborasi di antara universiti dan IPG meneliti kandungan kursus Pendidikan Islam serta pengurusannya yang mempunyai kerangka yang boleh diterima pakai bersama. Manakala faktor pencapaian akademik di antara lulusan GPI kelas kepujian pertama, kelas kepujian kedua atas dan kelas kepujian kedua bawah tidak memberi kesan secara signifikan terhadap kelima-lima Malakah. Dapatan ini merumuskan kualiti modal insan GPI melalui kelima-lima Malakah yang digarap oleh Ibnu Khaldūn dapat diaplikasi oleh setiap GPI tanpa melibatkan pencapaian akademik mereka.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. (2016). *Pendidikan tinggi: Cabaran baru global dan lokal*. In ILPK (Ed.), Orientasi Rabbani: Hala tuju baru pendidikan (pp.137-153). Kota Bharu, Kelantan: Institut Latihan Perguruan Kelantan.
- Abd. Munir Mohamed Noh. ( 2010 ). *Falsafah pendidikan menurut Ibn Khaldun dan John Dewey: Kajian perbandingan* (Tesis Sarjana Usuluddin). Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

- Abdullah Muhammad Basmeih. (2001). *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran (30 juzuk)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Akademi Pengajian Islam. *Buku panduan program sarjana muda sesi akademik 2016/ 2017*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Attas, S.M.N. (2015). *Himpunan risalah*. Kuala Lumpur: IBFIM & CASIS.
- AI-Qurtubi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. (2006). *Jami' li ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Tabari, Abi Jaafar Muhammad bin Jarir. (2001). *Jami' al-bayan an ta'wil aiy al-Quran*. Kaherah: Markaz al-Buhuth al-Arabiah wa al-Islamiah.
- Babbie, E. (2001). *The practice of social research (9th ed.)*. Wadsworth Thomson: Belmont.
- Burns, R. (2000). *Introduction to research methods*. London: Sage.
- Che Zarrina Saari & Mohd. Kamil Abd. Majid. (2000). Epistemologi Islam menurut Ibn Khaldun. *Jurnal Usuluddin*, 12, 73-94.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research (3rd ed.)*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Field, A. (2009). *Discovering statistics using SPSS*. London: Sage Publications Ltd.
- Habibah @ Artini Ramlie. (2017) *Pembangunan model profesionalisme guru Pendidikan Islam berdasarkan Riadhah Ruhiyah* (Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Ibn Khaldun, Abd Rahman bin Abi Abdullah. (2002). *Mukadimah (Terj.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ibn Khaldun, Abd Rahman bin Abi Abdullah. (2004). *Muqaddimah*. Damsyiq: Maktabah al-Hidayah.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Ismail bin Umar. (2010). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Kaherah: Darul Ibnu Jawzi.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2017). *Buku panduan akademik program ijazah sarjana muda perguruan dengan kepujian (PISMP) sesi 2017/ 2018*. Cyberjaya: IPGM, KPM.
- Irwan Mohd Subri, Ahmad Wifaq Mokhtar, Azman Ab Rahman, Hishomudin Ahmad, Norzulaili Mohd Ghazali & Nur Fatin Halil. (2017). *Pelantikan Mufti wanita di Malaysia: Analisis pandangan Jabatan Mufti*. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 9, 75-85.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faeez Ilias, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). *Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1), 59-74.
- Kamarul Md. Shah, Farah Mukhtar, Hasnah Abdullah, Manoriza Abdul Malek & Zairiniah Mohd. Shukur. (2017). *Kemahiran generik dan pencapaian akademik dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 69-75.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Nor Adina Abdul Kadir & Khairul Anuar Mohd Amin Khir. (2015). *Relevensi pemikiran Ibn Khaldun terhadap kemahiran insaniah di dalam pengurusan pembangunan modal insan*. *Pembangunan Masyarakat*, 21-46.
- Lundquist, J.H., Anderton, D.L. & Yaukey, D. (2015). *Demography: The study of human population*. Illinois: Waveland Press, Inc
- Marlina Ali & Shaharom Noordin. (2010). *Hubungan antara kemahiran berfikir kritis dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. *Jurnal Teknologi*, 52, 45-55.
- Mohd Kamal Hassan. (2012, Jun). *Membangun modal insan Melayu dalam sistem Pendidikan Islam*. Kertas Kerja dibentangkan di Perbincangan Meja Bulat Mengarusperdanakan Sistem Pendidikan Islam di Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Laily Paim, Sharifah Azizah Haron & Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah. (2013). *Buku panduan pembinaan instrumen: Anda dan kepenggunaan*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.

- Muhamad Suhaimi Taat, Roslee Talip & Abd Said Ambotang. (2015, Mac). *Attachment styles among Malaysian trainee teachers: Its relationship with self-efficacy and professionalism*, In Internasional Conference on Language, Education and Innovation, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. (2008). Building the human capital in the 'Malakah' concept of Ibn Khaldun : A historical study based on his 'Muqaddimah'. Jurnal Hadhari, 75-104.
- Neuman, R.C. (1993). *Experimental design for non-statisticians*. Journal Of Vinyl Technology, 15(1), 34-37.
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. (2015). *Perbezaan kualiti guru Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan kekerapan menyertai latihan dalam perkhidmatan*. The Online Journal of Islamic Education, 3(2), 1-13.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang. (2014). *Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 4 (2), 44-56.
- Pallant, J. (2004). *SPSS survival manual*. Allen & Unwin, Crows Nest.
- Pisol Maidin & Thuraya Ahmad. (2015). *Kemahiran kejuruteraan perahu Melayu: Keahlian jurubinanya berdasarkan teori Malakah Ibn Khaldun*. Journal of Contemporary Islamic Studies, 1, 97-113.
- Rajendran Nagappan, Nagendralingan Ratnavadivel, Othman Lebar, Maria Salih, Mohd Hassan Abdullah, Mohd Nasir Masran, Mohd Nazri Md Saad, Nor Azmi Mostafa & Ong Kuan Boon. (2008). *Pendidikan guru di Malaysia: Isu, cabaran dan prospek*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila & Mashita Abu Hassan. (2019). *Amalan kualiti guru dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan*. Journal of Management and Operation Research, 1 (4), 1-23.
- Ruzman Md Noor, Rahimin Affandi Abd. Rahim, Muhammad Kamil Abd Majid, Abdul Karim Ali, Nor Adina Abdul Kadir, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar & Norhidayah Yusof. (2014). *Peranan institut pengajian tinggi islam dalam pembangunan modal insan di Malaysia: Satu analisis*. Jurnal Kemanusiaan, 12(1), 1-20.
- Salbiah Mohamed Salleh @ Salleh, Mazzlida Mat Deli, Jamil Ahmad & Mohd Aderi bin Che Noh. (2016). *Penilaian kendiri akhlak : Satu alternatif pembangunan modal insan guru*. In Prosiding Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4 (Cosna 4). Tanjung Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill-building approach (4th ed.)*. New York: John Wiley & Sons.
- Suhaila Abdullah. (2014). *Preserving the craftsmanship of the ironsmiths of Pekan Darat based on theory of Malakah by Ibn Khaldun*. Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 7(2), 212-230.
- Syed Khalid Syed Idrus @ Sd Iskandar. (2018). *Penilaian program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Matematik di Institut Pendidikan Guru Malaysia zon utara*. (Tesis PhD). Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- T. Saiful Akbar. (2015). *Manusia dan pendidikan menurut pemikiran Ibn Khaldun dan John Dewey*. Jurnal Ilmiah Didaktika, 15(2), 222-243.
- Zainuddin Awang, Asyraf Afthanorhan & Mustafa Mamat. (2016). *The likert scale analysis using parametric based Structural Equation Modeling (SEM)*. Computational Methods in Social Sciences (CMSS), 4(1), 13-21